

Haji Ismail diisytihar Datuk Muda Linggi baru

Oleh BUSTAMAM AHMAD

LINGGI, Khamis — Haji Ismail Abdul Jalal, 70, hari ini diisytiharkan sebagai penyangang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan dalam satu istiadat yang dihadiri oleh anak-anak Waris Linggi di sini.

Istiadat berlangsung di rumah seorang Waris perempuan Linggi, Hajah Latifah Abdul Jalal, yang juga adik perempuan Datuk Muda Linggi Haji Ismail.

Kesalahan

Perisytiharan dibacakan oleh wakil Waris Nan Tertua Linggi, Tan Sri Mohd Said Mohamad, yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan. Waris Nan Tertua Linggi, Datuk Laksamana Abdul Kudus Mohamad tidak dapat hadir kerana uzur.

Hadir sama ialah Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai di Darat dan di Air yang diketuai oleh Datuk Muda Labu Zainuddin Haji Abdullah serta wakil Tua Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Datuk Muda Linggi Haji Ismail menggantikan tem-

pat Encik Abu Zarim Haji Mulop yang dipecat daripada menjadi penyangang pesaka Datuk Muda Linggi oleh anak-anak Waris Linggi dalam satu kerapatan adat pada 27 Mac lalu.

Encik Abu Zarim dipecat kerana bellau dikata melakukan enam kesalahan adat termasuk campur tangannya dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Usdang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa penyangang pesaka Datuk Muda Linggi tidak berhak mencampuri urusan pemilihan Datuk Kelana Putra kerana ia menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir.

Istiadat perisytiharan itu disusuli dengan istiadat 'bertabur melukut' (kenduri). Semalam anak-anak Waris Linggi menghadiri istiadat 'menebus pesaka' Datuk Muda Linggi yang berlangsung di hadapan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangan, Seremban.

Ikrar tadbir adat secara muafakat

LINGGI, Khamis — Datuk Muda Linggi, Haji Ismail Abdul Jalal, yang dilantik sebulat suara menjadi penyangang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan hari ini berikrar akan mentadbirkan 'adat yang mengutamakan muafakat' di Wilayah Linggi dalam erti kata sebenarnya.

Bellau akan mengatur beberapa siri pertemuan dengan anak-anak Waris Linggi bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung pentadbiran adat di Wilayah Linggi.

Menurutnya, Wilayah Linggi mengamalkan sistem Adat Temenggong, maka ini bermakna tidak wujud sistem 'Perut' di kalangan anak-anak Waris Linggi seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Perpecahan

"Oleh kerana Wilayah Linggi mengamalkan Adat Temenggong, maka ini bermakna tidak wujud sistem 'Perut' di kalangan anak-anak Waris Linggi seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Hakikat ini perlu disedari oleh semua anak Waris Linggi supaya tidak wujud sebarang kekeliruan yang mungkin boleh menimbulkan perpecahan sesama kita sendiri," katanya kepada pemberita selepas istiadat perantikkannya di sini hari ini.

Datuk Muda Linggi Haji Ismail berkata anak-anak Waris Linggi berasal daripada keturunan Datuk Awal dan kakaknya, Datuk Serilah. Kedua-dua adik beradik ini adalah berketurunan raja dari Riau.

Bellau menjelaskan semua anak Waris Linggi ialah bersaudara dan layak menyandang pesaka Datuk Muda Linggi berdasarkan kepada sistem muafakat dan kebulatan.